

PENGGUNAAN KAEDAH *GALLERY WALK* DALAM PENGAJARAN KURSUS DUA6022 KOMUNIKASI DAN PENYIARAN ISLAM : SATU TINJAUAN DI POLITEKNIK

*The Use of Gallery Walk Method in Teaching Course DUA6022 Islamic Communication
and Broadcasting: A Survey in Polytechnics*

FATIN IZATI BINTI MOHD TAHER

Politeknik Kuching Sarawak

fatin@poliku.edu.my

ZAHRATUN SAKINAH BINTI JAMALUDDIN

Politeknik Kuching Sarawak

zahratun@poliku.edu.my

ABSTRAK

Pendidikan abad ke-21 berteraskan pembelajaran berbentuk kolaboratif yang berpusatkan pelajar sekaligus memfokuskan kepada kemenjadian murid di era Pendidikan Abad Ke- 21. Salah satu cabangnya berpusat kepada amalan pengajaran guru di dalam kelas berpaksikan PAK21. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi pelajar terhadap penggunaan kaedah Gallery Walk dalam pengajaran kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam serta mengenal pasti hubungan di antara pemikiran reflektif dan motivasi pelajar. Kajian ini dijalankan menggunakan rekabentuk kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan secara rentas. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik menggunakan perisian Google Form. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0. Hasil kajian daripada analisis deskriptif mendapati bahawa min tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi pelajar berada pada tahap tinggi. Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara pemikiran reflektif dan motivasi pelajar. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan impak positif kepada para pendidik khususnya kursus Pendidikan Islam dalam membentuk kepelbagaian dan kreativiti dalam pengajaran bersandarkan PAK21

Kata Kunci: Pendidikan Abad Ke-21, Guru Pendidikan Islam, Pemikiran Reflektif, Motivasi , Kaedah Gallery Walk

Abstract

21st century education is based on student-centered collaborative learning as well as focusing on becoming students in the 21st Century Education era. One of its branches is centered on the teaching practice of teachers in the PAK21-centered classroom. Therefore, this study was conducted to identify the level of reflective thinking and the level of motivation of students towards the use of Gallery Walk method in teaching the course DUA6022 Islamic Communication and Broadcasting and identify the relationship between reflective thinking and student motivation. This study was conducted using a quantitative design with a cross-sectional survey research approach. The research instrument used was a questionnaire using Google Form software. Data were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0. The results of the study from descriptive analysis found that the mean level of reflective thinking and the level of student motivation is at a high level. There is a significant positive relationship between reflective thinking and student motivation. Therefore, this study is expected to give a positive impact to educators, especially Islamic Education courses in shaping diversity and creativity in teaching based on PAK21

Keywords: 21st Century Education, Islamic Education Teachers, Reflective Thinking, Motivation, Gallery Walk Method

1. PENDAHULUAN

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) memfokuskan kepada *student centered learning* atau pembelajaran berpusatkan murid sekaligus ianya juga menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam diri murid. Normala dan Rozaidah (2016) menyatakan bahawa pembelajaran abad ke-21 adalah bertujuan bagi membangunkan potensi murid dengan menyediakan peluang pekerjaan dan kemahiran pembangunan negara pada masa akan datang. Di sini guru perlu cekap dalam pelbagai teknik pengajaran supaya dapat memberi peluang kepada murid dengan pelbagai keperluan pembelajaran sekaligus dapat mencungkil potensi terhebat mereka. Zamri (2014) menyatakan bahawa pengajaran dan PAK21 memberi ruang dan peluang kepada murid melatih diri mereka bagi mempertingkatkan kemahiran pembelajaran yang dikehendaki seperti kemahiran pembelajaran, kemahiran literasi dan kemahiran hidup.

Oleh yang demikian, salah satu kaedah pembelajaran yang bertepatan dengan dunia pendidikan hari ini adalah pembelajaran melalui kaedah *Gallery Walk*. Kaedah ini adalah satu kaedah pembelajaran berkumpulan ataupun boleh ditafsirkan juga sebagai pembelajaran berbentuk kooperatif dan kolaboratif yang melibatkan interaksi sosial dan sikap bantu membantu antara ahli kumpulan bagi merealisasikan matlamat yang sama dalam pengajaran dan pemudah cara (PdPc). Menurut Effandi Zakaria (1998) pembelajaran kooperatif dalam *Gallery Walk* adalah suatu strategi pengajaran di mana pelajar saling membantu di antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil. Ditambah pula dengan pernyataan dari Ahmad Md Sharif (1994) yang mengatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran yang menarik dalam kaedah *Gallery Walk* ini di mana ianya memberi peluang pelajar berinteraksi, berkomunikasi, mengalami dan menghayati proses pembelajaran dengan lebih berkesan.

Justeru itu, kaedah *Gallery Walk* amat bersesuaian dengan PAK21 kerana murid perlu bergerak dari satu kumpulan ke satu kumpulan yang lain dalam membincangkan dan berdiskusi berkaitan tajuk yang diberikan oleh guru yang bertindak sebagai fasilitator dan pemudah cara. Selain itu, kaedah *Gallery Walk* ini juga mementingkan interaksi sosial dalam memperolehi ilmu pengetahuan dan sekaligus menjana minda murid agar berfikiran kreatif dan kritis. Dalam membina kerangka kajian ini, pengkaji akan mengenal pasti tahap pemikiran reflektif serta tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam merealisasikan PdPc abad ke-21 sekaligus mengenal pasti secara mendalam keberkesanannya dalam konteks pendidikan semasa

2. PERNYATAAN MASALAH

Dalam proses menjayakan pembelajaran murid pada abad ke-21 ini, Guru Pendidikan Islam (GPI) masih menghadapi cabaran yang kompleks untuk mengoptimumkan proses hasil pembelajaran mereka (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017; Mustapha Kamal, 2015; Nursafra, 2017). Wujud beberapa halangan yang menjadi penyebab terhadap proses pembelajaran dan pengajaran abad ke-21 ini masih belum diterapkan. Misalnya, dalam penerapan aspek kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis kepada murid masih lagi berada pada tahap yang sederhana dan lemah di mana ianya perlu kepada penambahbaikan (Badrul Hisham & Basar, 2016; Fazlulaini, Kamarul Azmi et al. 2017). Pernyataan ini juga selari dengan kajian Siti Rohana (2007) yang menyatakan pandangan bahawa guru Pendidikan Islam tidak cukup menekankan kaedah kemahiran berfikir. Seterusnya Haswani (2017) pula mendapati bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap aplikasi elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pada tahap yang sederhana

Selain itu, terdapat beberapa kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa Guru Pendidikan Islam kurang kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Ini selari dengan pernyataan daripada Syed Najmuddin (2008) iaitu guru Pendidikan Islam kurang kreatif serta penyampaian pengajaran guru Pendidikan Islam dalam kelas berada pada tahap sederhana. Pernyataan ini juga disokong oleh kajian Mohd Yusoff (2016) yang turut bersetuju dengan pendapat tersebut iaitu tahap kreativiti guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian Yahya (2003) menunjukkan bahawa skala minat mempelajari Pendidikan Islam dalam mempelajari Pendidikan Islam dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang rendah.

Oleh yang demikian, guru Pendidikan Islam perlu melakukan inovasi dalam pengajaran mereka termasuk menggunakan pelbagai kaedah dalam PAK21 bagi menarik minat serta motivasi pelajar terhadap pengajaran mereka dengan aktiviti yang selari dengan pembelajaran kolaboratif di mana pelajar dapat berkongsi idea dan juga berkomunikasi melalui soalan, dokumen, gambar, situasi dan juga teks. Hal ini sekaligus menyokong kepada *teori student centered learning*. Keberkesanan dan kebergantungan PdPc adalah pada seorang guru. Perancangan yang rapi terhadap penyampaian kandungan berdasarkan aras pengetahuan pelajar adalah sangat penting agar pelajar dapat mengikuti dan memahami penerangan yang dilakukan oleh guru (Azhar et al. 2007)

Berdasarkan pencarian, pembacaan literatur dan tinjauan penyelidikan mendapati kajian penggunaan kaedah *Gallery Walk* yang menyentuh khusus dalam pembelajaran Pendidikan Islam kurang di kaji. Justeru itu, satu kajian tinjauan berkenaan penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam pengajaran DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam dilaksanakan bagi melihat, meneroka, meneliti dan mengenalpasti secara mendalam keberkesanannya dalam konteks pendidikan semasa dalam dua persoalan iaitu tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi pelajar terhadap penggunaan kaedah ini.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian penggunaan kaedah *Gallery Walk* Dalam Pengajaran Kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam : Satu Kajian Tinjauan di Politeknik ini mempunyai objektif seperti butiran di bawah:

1. Mengetahui tahap pemikiran reflektif pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam
2. Mengetahui tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam
3. Mengetahui terdapat hubungan yang signifikan di antara pemikiran reflektif dan motivasi pelajar dengan pelaksanaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi & Penyiaran Islam

4. PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji cuba untuk merungkaikan sekaligus menjawab persoalan kajian seperti berikut secara khusus:

1. Apakah tahap pemikiran reflektif pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* di dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam?
2. Apakah tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* di dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam?

3. Apakah terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pemikiran reflektif dan motivasi pelajar selepas pelaksanaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam?

5. METODOLOGI KAJIAN

5.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan merupakan kajian kuantitatif dan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan secara rentas (cross-sectional survey). Menurut Creswell (2005) kajian tinjauan merupakan sebuah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif di mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sekelompok atau keseluruhan populasi. Dalam kajian ini pengkaji ingin melihat penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam Pengajaran Kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam melalui dua konstruk iaitu dari aspek tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah yang merupakan antara salah satu metodologi pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) menerusi kaedah tinjauan ini.

5.2 Instrumen Kajian

Menurut Mohd. Majid Konting (2004), instrumen kajian adalah penting bagi mencapai objektif sesuatu kajian dan ia juga merupakan alat pengukur utama yang digunakan bagi mengukur konstruk atau pembolehubah yang dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik yang menggunakan secara keseluruhan perisian "*Google Form*" yang akan diedarkan secara atas talian kepada responden kajian bagi menjawab objektif kajian ini. Menurut Tuckman (1978) penggunaan soal selidik memudahkan pengkaji memperoleh kerjasama daripada responden kajian. Ia juga disokong dengan kenyataan Chua Yan Piaw (2014) yang mengatakan bahawa peranan soal selidik yang dilihat lebih praktikal dan efisien dalam mendapatkan maklumat sebenar dalam amalan pengajaran. Soal selidik ini diadaptasi daripada kajian Ainun Rahimah Ibrahim, Zamri Mahamod & Wan Muna Ruzana Wan Mohamad (2017)

Instrumen ini mengandungi dua (2) bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Dalam bahagian A, pengkaji telah meletakkan soalan umum berkaitan latar belakang responden kajian iaitu berkenaan demografi kemudian dalam bahagian B adalah soalan yang lebih memfokuskan kepada soalan berkaitan dua konstruk yang dikaji iaitu berkaitan tahap pemikiran reflektif pelajar dan tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam.

Bahagian A mempunyai pilihan jawapan berkaitan latar belakang responden. Menurut Coopeer dan Schindler (2002) hanya satu jawapan yang perlu dipilih berdasarkan skala pilihan yang diberikan. Penggunaan soalan yang berbentuk pilihan jawapan ini adalah cara terbaik bagi mengumpul data berkaitan responden kajian ini. Terdapat tiga item soalan dalam bahagian A iaitu soalan berkaitan jantina, umur, pengkhususan diploma dan sosioekonomi keluarga

Dalam bahagian B pula yang mengandungi empat belas (20) item soalan yang berkaitan dengan tahap pemikiran reflektif pelajar dan tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Justeru itu, responden kajian perlu menyatakan persetujuan dalam memilih jawapan melalui penggunaan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Kurang Setuju (KS), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Jadual 1 di bawah adalah berkenaan skala likert tersebut

Skala	Tafsiran
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Setuju
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Jadual 1: Skala Likert

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis dan memproses data menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) version 26.0. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan inferensi dalam menghuraikan data yang diperolehi. Analisis deskriptif digunakan bagi menghuraikan profil sample. Seterusnya analisis deskriptif turut digunakan bagi membuat penganalisan ke atas tahap pemikiran reflektif pelajar dan tahap motivasi pelajar selepas mengaplikasikan kaedah *Gallery Walk* dalam pengajaran dan pembelajaran

5.3 Populasi Dan Sample Kajian

Berdasarkan pandangan Cooper dan Schindler (2002), populasi adalah berdasarkan jumlah keseluruhan responden di mana pengkaji ingin membuat kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih Politeknik Kuching Sarawak sebagai lokasi bagi menjalankan kajian tinjauan ini. Selain itu, pengkaji juga telah memilih pelajar semester lima yang mengambil kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam sebagai responden kajian. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 63 orang yang terdiri daripada pelajar Jabatan Perdagangan dan Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Pengkaji telah menggunakan teknik persampelan secara rawak mudah dalam memilih responden kajian (Azizi et al. 2007)

5.4 Lokasi Kajian

Lokasi kajian tinjauan ini adalah di Politeknik Kuching Sarawak (PKS) iaitu merupakan antara salah satu Politeknik Malaysia yang terletak di borneo. Politeknik ini ditubuhkan pada tahun 1987. Politeknik ini merupakan salah satu daripada 3 buah Politeknik yang terdapat di negeri Sarawak. Pemilihan PKS sebagai lokasi kajian kerana lokasinya yang strategik di borneo khususnya di Malaysia Timur yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian ini.

5.5 Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum kajian dilakukan, pengkaji akan meminta kebenaran daripada Pengarah Politeknik Kuching Sarawak dan Ketua Unit Pendidikan Islam dan Moral untuk melaksanakan kajian. Soal selidik ini disediakan menggunakan perisian *Google Form*. Pengkaji akan memberikan pautan (link) soal selidik kepada para pelajar yang terpilih menggunakan aplikasi Whatsapp. Penjelasan akan diberikan terlebih dahulu berkaitan tujuan kajian dijalankan beserta dengan pautan tersebut. Setelah semua responden kajian menghantar jawapan soal selidik melalui *Google Form* tersebut, data akan dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji.

Semua borang soal selidik akan dikaji dan dinilai mengikut konstruk dan hipotesis yang betul. Instrumen yang telah dibina ini berkonsepkan soalan beserta dengan jawapannya. Para responden kajian mempunyai autoriti dalam pemilihan jawapan mereka mengikut kehendak masing-masing. Terdapat 5 pilihan jawapan yang telah disediakan oleh pengkaji

6. DAPATAN ANALISIS DATA

Hasil dapatan kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu taburan demografi, tahap pemikiran reflektif, tahap motivasi pelajar serta hubungkait antara tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi terhadap penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022

Komunikasi dan Penyiaran Islam. Pengajaran dan pembelajaran dalam kaedah ini dilakukan 2 sebanyak dua kali. Pengkaji menginterpretasi data dengan menggunakan interpretasi min oleh Mohamad Najib (1999). Berikut merupakan Jadual interpretasi skor min yang dijadikan sebagai panduan pengkaji dalam menginterpretasi data kajian.

JADUAL I: Skor dan interpretasi min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.49	Amat Rendah
1.50 – 2.49	Rendah
2.50 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.49	Tingg
4.50 – 5.00	Amat Tinggi

Sumber : Mohamed Najib (1999)

6.1 Taburan Demografi Responden

Profil responden dibincangkan terlebih dahulu bagi mendapatkan gambaran mengenai latar belakang responden. Berdasarkan Jadual 2 di bawah, seramai 63 orang responden telah dipilih sebagai responden kajian ini. Data tersebut juga jelas menunjukkan bahawa responden perempuan mendominasi kajian ini apabila data mendapati bilangan responden perempuan (38, 60.3%) adalah lebih banyak daripada responden lelaki (25, 39.7%)

Bagi aspek pengkhususan diploma pula, data mendapati bahawa responden daripada Diploma Akauntansi (DAT) mencatatkan responden yang terbanyak iaitu (36, 57.1%) dibandingkan dengan responden daripada Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM) (27, 42.9%). Seterusnya daripada aspek sosioekonomi keluarga, data yang diperoleh menunjukkan seramai 27 orang responden daripada 63 orang responden mempunyai sosioekonomi keluarga dalam lingkungan pendapatan antara RM1000 hingga RM3000 iaitu sebanyak 42.9%. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan jumlah responden yang mempunyai sosioekonomi keluarga tersebut merupakan antara lingkungan jumlah yang paling ramai berbanding dengan jumlah responden dalam tahap sosiekonomi keluarga yang lain.

JADUAL 2: Maklumat demografi responden (N=63)

Profil Responden	Kategori	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Jantina	Lelaki	25	39.7	39.7	39.7
	Perempuan	38	60.3	60.3	100.0
Pengkhususan Diploma	DKM	27	42.9	42.9	42.9
	DAT	36	57.1	57.1	100.0
Sosiekonomi Keluarga	RM300-400	4	1.6	1.6	1.6
	RM500-1000	13	20.6	20.6	27.0
	RM1000-3000	27	42.9	42.9	69.8
	RM3000 dan ke atas	19	30.2	30.2	100.0

6.2 Analisis Tahap Pemikiran Reflektif Pelajar selepas menggunakan Kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Jadual 3 di bawah menunjukkan tahap pemikiran reflektif pelajar terhadap penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam yang paling tinggi adalah item ke-4 yang berbunyi “ *Saya sering menilai semula pengalaman lalu supaya dapat*

meningkatkan prestasi saya seterusnya” (M = 4.33, SP = .783) . Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang (1.6%) responden sangat tidak bersetuju, 1 orang (1.6%) tidak setuju, 3 orang (4.8%) kurang setuju manakala 29 orang (46%) bersetuju dan selebihnya 29 orang (46%) sangat bersetuju.

Seterusnya, item kedua tertinggi ialah item ke-3 yang berbunyi “*Saya sering memikirkan tindakan yang diambil untuk melihat sama ada saya boleh memperbaiki apa yang telah dilakukan*” (M = 4.24, SP = .615). Item ini menunjukkan bahawa seramai 6 orang responden (9.5%) kurang setuju, seterusnya 4 orang bersamaan (36%) bersetuju manakala selebihnya 21 orang (33.3%) sangat bersetuju.

Item pertama, iaitu “*Kadangkala saya mempersoalkan cara orang lain melakukan sesuatu dan cuba mencari penyelesaian terbaik*” pula merupakan item ketiga tertinggi (M = 4.08, SP = .679) . Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang bersamaan (1.6%) tidak bersetuju, seterusnya 9 orang (14.3%) kurang bersetuju, 37 orang iaitu bersamaan (58.7%) bersetuju manakala selebihnya 16 orang (25.4%) sangat bersetuju

Jadual tersebut juga menunjukkan tahap kemahiran reflektif pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam yang paling rendah ialah item ke-8 yang berbunyi “*Saya menemui perkara yang salah disangkakan benar sepanjang mengikuti kursus ini*” (M = 3.65 , SP = .864). Item ini menunjukkan bahawa seramai 2 orang iaitu bersamaan (3.2%) sangat tidak bersetuju, seterusnya 2 orang (3.25) tidak bersetuju, seterusnya 20 orang (31.7%) kurang bersetuju, manakala 31 orang (49.2%) bersetuju dan selebihnya 8 orang bersamaan (12.7%) sangat bersetuju.

Seterusnya, item kedua terendah ialah item ke-6 yang berbunyi “*Kursus ini telah mencabar beberapa idea yang dipegang teguh oleh saya sebelum ini*”. (M = 3.84, SP = .954). Item ini menunjukkan bahawa seramai 3 orang responden bersamaan (4.8%) sangat tidak bersetuju, seterusnya 16 orang bersamaan (25.4%) kurang bersetuju, seterusnya 29 orang bersamaan (46.0) bersetuju dan selebihnya 15 orang (23.8%) sangat bersetuju.

Item ke- 7 iaitu “*saya telah mengubah kebiasaan melakukan sesuatu hasil daripada kursus ini*” pula merupakan item ketiga terendah (M = 3.98, SP = .793). Item ini menunjukkan bahawa hanya 1 orang (1.6%) sangat tidak setuju, seterusnya 1 orang (1.6%) tidak setuju, manakala 11 orang bersamaan (17.5%) kurang bersetuju, dan 35 orang bersamaan (55.6%) bersetuju dan selebihnya 15 orang (23.8%) sangat bersetuju.

Kesimpulannya, Jadual 3 memperlihatkan tahap pemikiran reflektif pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* adalah tinggi dan positif (Min purata = 4.08, SP purata = .632)

JADUAL 3:
Tahap Pemikiran Reflektif Pelajar selepas penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Bil.	Pernyataan	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
1	Kadangkala saya mempersoalkan cara orang lain melakukan sesuatu dan cuba mencari penyelesaian terbaik	4.08	.679	Tinggi
2	Saya cuba fikirkan perkara yang telah dilakukan dan menimbang alternatif lain	4.00	.622	Tinggi
3	Saya sering memikirkan tindakan yang diambil untuk melihat sama ada saya boleh memperbaiki apa yang telah dilakukan	4.24	.615	Tinggi

4	Saya sering menilai semula pengalaman lalu supaya dapat meningkatkan prestasi saya seterusnya	4.33	.783	Tinggi
5	Saya telah mengubah cara melihat diri sendiri setelah mengikuti kursus ini	4.05	.869	Tinggi
6	Kursus ini telah mencabar beberapa idea yang dipegang teguh oleh saya sebelum ini	3.84	.954	Tinggi
7	Saya telah mengubah kebiasaan melakukan sesuatu hasil daripada kursus ini	3.98	.793	Tinggi
8	Saya menemui perkara yang salah disangkakan benar sepanjang mengikuti kursus ini	3.65	.864	Tinggi
Purata Min		4.08	.632	Tinggi

6.3 Analisis Tahap Motivasi Pelajar selepas menggunakan Kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Jadual 4 menunjukkan tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* yang paling tinggi adalah item ke-18 yang berbunyi “*Saya akan membantu ahli kumpulan untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran kursus ini*” (M = 4.30, SP = .687). Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang bersamaan (1.6%) tidak bersetuju, seterusnya seramai 5 orang (7.9%) kurang bersetuju, 31 orang (49.2%) bersetuju dan selebihnya 26 orang iaitu bersamaan (41.3%) sangat bersetuju.

Item ke-19 yang berbunyi “*Saya menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan*” merupakan item kedua tertinggi . (M = 4.29, SP = .750). Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang bersamaan (1.6%) tidak bersetuju, seterusnya 8 orang bersamaan (12.7%) kurang bersetuju, manakala 26 orang (41.3%) bersetuju selebihnya 28 orang bersamaan (44.4%) sangat bersetuju

Seterusnya item ketiga tertinggi adalah item ke-14 yang berbunyi “*Saya akan bersikap positif terhadap pembelajaran kursus ini walaupun sukar dan di luar jangkaan saya*” (M =4.27, SP = .766). Item ini menunjukkan seramai 1 orang bersamaan (1.6%) sangat tidak setuju, seterusnya 6 orang bersamaan (9.5%) kurang bersetuju, manakala 30 orang bersamaan (47.6%) bersetuju dan selebihnya 26 orang bersamaan (41.3%) sangat bersetuju

Jadual tersebut juga tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam yang paling rendah adalah item ke-16 yang berbunyi “*Saya selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai kursus ini*” (M = 4.11, SP = .698). Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang iaitu bersamaan (1.6%) tidak bersetuju. Seterusnya 9 orang bersamaan (14.3%) kurang bersetuju, manakala 35 orang (55.65) bersetuju dan selebihnya 18 orang (28.6%) sangat bersetuju

Seterusnya item kedua tersendah adalah item ke-15 yang berbunyi “*Saya akan menyesuaikan idea asal mengikut perubahan semasa dalam pembelajaran kursus ini*”(M = 4.10, SP =.777). Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang bersamaan (1.6%) sangat tidak bersetuju, seterusnya 10 orang bersamaan (15.9%) kurang bersetuju, manakala 33 orang bersamaan (52.4%) bersetuju dan selebihnya 19 orang bersamaan (30.2) sangat bersetuju

Item ke-16, iaitu “*Saya selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai kursus ini*” (M = 4.11, SP = .766) merupakan item ketiga terendah. Item ini menunjukkan bahawa seramai 1 orang bersamaan (1.6%) tidak bersetuju, seterusnya 9 orang

bersamaan (14.3%) kurang bersetuju, manakala 35 orang bersamaan (55.6%) bersetuju dan selebihnya 18 orang bersamaan (28.6%) sangat bersetuju.

Berdasarkan Jadual 4, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam berada pada tahap tinggi. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan purata min yang diperoleh ($M = 4.17$, $SP = .618$)

JADUAL 4:
Tahap Motivasi Pelajar selepas menggunakan Kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Bil.	Pernyataan	Nilai Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
9	Kaedah <i>Gallery Walk</i> yang digunakan oleh pensyarah menjadi motivasi kepada saya untuk mengikuti kursus ini	4.15	.653	Tinggi
10	Saya tidak berasa malu untuk bertanya pensyarah semasa pembelajaran kursus ini walaupun terdapat kesalahan yang saya lakukan	4.13	.793	Tinggi
11	Saya selalu mendapat galakan dan dorongan daripada pensyarah dalam pembelajaran kursus ini	4.14	.692	Tinggi
12	Saya merasa gembira apabila dapat menyelesaikan tugas dalam aktiviti pembelajaran kursus ini	4.27	.677	Tinggi
13	Saya sering melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran untuk meningkatkan pencapaian dalam kursus ini	4.13	.707	Tinggi
14	Saya akan bersikap positif terhadap pembelajaran kursus ini walaupun sukar dan di luar jangkaan saya	4.27	.766	Tinggi
15	Saya akan menyesuaikan idea asal mengikut perubahan semasa dalam pembelajaran kursus ini	4.10	.777	Tinggi
16	Saya selalu berfikir daripada pelbagai perspektif dalam menyelesaikan isu-isu mengenai kursus ini	4.11	.698	Tinggi
17	Saya menetapkan matlamat dalam kursus ini	4.13	.751	Tinggi
18	Saya akan membantu ahli kumpulan untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran kursus ini	4.30	.687	Tinggi
19	Saya menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan	4.29	.750	Tinggi
20	Saya bertindak sebagai pemimpin dan pengikut pada masa sama dalam menyiapkan tugas kursus ini	4.10	.734	Tinggi
Purata Min		4.17	.618	Tinggi

6.4 Hubungan antara Tahap Pemikiran Reflektif dan Motivasi Pelajar dengan penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam

Data korelasi Pearson menggunakan skala Davies (1971) digunakan dalam kajian ini. Jadual 5 berikut merupakan jadual skala Davies yang dijadikan sebagai panduan pengkaji dalam menginterpretasi data kajian

JADUAL 5: Nilai pekali dan tafsiran deskriptif

Nilai Pekali	Tafsiran Deskriptif
0.70 - 1.00	Amat Tinggi
0.50 - 0.69	Tinggi
0.30 - 0.49	Sederhana Tinggi
0.10 - 0.29	Rendah
0.01 - 0.09	Sangat Rendah

Hipotesis Nul: Tidak terdapat Hubungan antara Tahap Pemikiran Reflektif, Tahap Motivasi dengan penggunaan Kaedah *Gallery Walk*

Berdasarkan Jadual 6 di bawah, didapati terdapat korelasi positif yang amat tinggi antara pemikiran reflektif dengan penggunaan kaedah *Gallery Walk*, iaitu pada $r=.854$ ($p < 0.01$). Selain itu, didapati terdapat korelasi positif antara motivasi dengan penggunaan kaedah *Gallery Walk* iaitu pada $r=.854$ ($p < 0.01$). Hal ini dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif antara pemikiran reflektif dan motivasi dengan penggunaan kaedah *Gallery Walk* dan kekuatan hubungan berada dalam tahap yang amat tinggi . Oleh yang demikian, hipotesis nul kajian ini ditolak

JADUAL 6: Analisis Korelasi Pearson

Konstruk	Pekali Kolerasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap Pemikiran Reflektif dan Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah <i>Gallery Walk</i>	.854**	.000	Amat Tinggi

***Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

7.0 PERBINCANGAN

7.1 Tahap Pemikiran Reflektif dan Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah *Gallery Walk*

Hasil kajian bagi aspek tahap pemikiran reflektif terhadap penggunaan kaedah *Gallery Walk* dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam adalah pada tahap positif dan tinggi ($M = 4.08$, $SP = .632$) . Kajian yang dijalankan di Politeknik Kuching Sarawak mendapati min tertinggi bagi konstruk tahap pemikiran reflektif ialah 4.33 dengan sisihan piawai sebanyak .783 “*Saya sering menilai semula pengalaman lalu supaya dapat meningkatkan prestasi saya seterusnya*”. Item ke-8, iaitu “*Saya menemui perkara yang salah disangkakan benar sepanjang mengikuti kursus ini*” memperoleh nilai min terendah ($M=3.65$, $SP = .864$)

Hasil kajian yang dilakukan oleh Buzdar & Ali (2013) mendapati sebahagian besar daripada responden memikirkan kembali dan menilai semula pengalaman lalu dengan tujuan untuk belajar dan memperbaiki amalan mereka. Hal ini adalah selari dengan hasil kajian ini apabila majoriti pelajar bersetuju dan sangat bersetuju mereka sering menilai semula pengalaman bagi meningkatkan prestasi mereka.

Selain itu, hasil kajian bagi konstruk tahap motivasi pelajar selepas menggunakan kaedah Gallery Walk dalam kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam adalah berada pada min purata tahap tinggi ($M=4.17$, $SP = .618$). Item ke-18 “*Saya akan membantu ahli kumpulan untuk meningkatkan kefahaman dan minat mereka terhadap pembelajaran kursus ini*” merupakan item yang ditahap min yang tertinggi. Hasil dapatan kajian ini menjelaskan bahawa para pelajar amat aktif dalam aktiviti perbincangan di dalam bilik kuliah dan bermotivasi bagi meningkatkan kefahaman mereka terhadap kursus tersebut. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Kamariah Ayu (2015) yang menunjukkan bahawa responden kajian amat bermotivasi tinggi dan aktif dalam aktiviti pembelajaran di dalam bilik kuliah

Seterusnya, dapatan kajian yang diperolehi daripada item ke- 12 iaitu “*Saya akan bersikap positif terhadap pembelajaran kursus ini walaupun sukar dan di luar jangkaan saya*” dan item ke-19 “*Saya menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan*” juga turut di antara min yang tertinggi. Hasil dapatan kajian menunjukkan para pelajar lebih bersikap positif dan bermotivasi selepas menggunakan kaedah Gallery Walk dalam pengajaran dan pembelajaran. Para pelajar turut aktif menyelesaikan tugas yang diberi dalam tempoh yang ditetapkan. Dapatan ini selari dengan hasil dapatan Azrul Mahfurdz dan Saifuddin Semail (2010) yang telah melihat gaya pembelajaran dan motivasi pelajar semester satu dalam model matematik kejuruteraan. Gaya pembelajaran, dorongan daripada keluarga, guru dan rakan banyak mempengaruhi tahap pencapaian di dalam kelas.

7.2 Hubungan Yang Signifikan Di Antara Tahap Kemahiran Reflektif dan Tahap Motivasi Pelajar Terhadap Penggunaan Kaedah Gallery Walk

Akhir sekali, kajian mendapati terdapat korelasi positif yang tinggi antara tahap pemikiran reflektif selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* pada $r=.854$ ($p < 0.01$). Selain itu, didapati terdapat korelasi positif yang tinggi antara tahap motivasi selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk* pada $r = .854$ ($p < 0.01$). Oleh yang demikian, ini menunjukkan bahawa hubungan kait antara tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi selepas menggunakan kaedah *Gallery Walk*. Dapatan kajian ini adalah menyamai hasil kajian yang dilakukan oleh Fong Peng dan Nur Atikah (2020) apabila hasil kajian tersebut mendapati wujudnya hubungan yang signifikan positif antara sikap dan motivasi dengan strategi *Think- Pair- Share*

Konklusinya dapatlah disimpulkan bahawa penggunaan kaedah Gallery Walk ini dapat memberikan kesan secara tidak langsung terhadap tahap pemikiran reflektif dan tahap motivasi pelajar itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan apabila interpretasi min bagi tahap motivasi pelajar di Politeknik kajian mencatatkan nilai yang tinggi setelah diterapkan kemahiran PAK21 iaitu kaedah Gallery Walk tersebut. Kepelbagaian teknik dan bentuk pengajaran guru semasa proses PdPc di dalam kelas memberikan implikasi yang besar dalam mendidik para pelajar berminat akan ilmu pengetahuan khususnya berkaitan dengan ilmu Pendidikan Islam.

8.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

Pengkaji mencadangkan agar pensyarah-pensyarah bagi kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam lebih mengaplikasikan kaedah PAK21 dalam pengajaran mereka. Pensyarah-pensyarah dicadangkan agar menjalankan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan penglibatan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Penggunaan kaedah *Gallery*

Walk ini telah membuktikan bahawa kaedah ini sangat sesuai diaplikasikan dan ianya sangat bertepatan dengan transformasi sistem Pendidikan Negara. Konsep Pendidikan pada abad ke-21 masa kini lebih menjurus kepada penglibatan pelajar dan guru hanyalah bertindak sebagai fasilitator sahaja. Pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar adalah mampu memperkembangkan minda pelajar di samping meningkatkan kemahiran berkomunikasi mereka

Para pensyarah seharusnya melengkapkan diri mereka dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang secukupnya berkaitan kemahiran dan aplikasi teknologi agar dapat membantu mereka dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan lebih menarik. Justeru itu, mengikuti kursus – kursus yang berkaitan dengan PAK21 dapat membantu meningkatkan diri menjadi lebih cemerlang. Daripada hasil kajian dalam borang soal selidik yang diadakan, pengkaji boleh membuat beberapa andaian ataupun cadangan yang perlu diambil berat atau penambahbaikan sistem pendidikan itu sendiri oleh pihak-pihak berautoriti ini antaranya: a) Pihak Kementerian Pendidikan perlu mencadangkan agar semua pendidik menjalani kursus pengajaran dan pembelajaran PAK21 secara berkala b) Pihak sekolah atau institusi pendidikan perlu menekankan penggunaan konsep PAK21 ini sebagai indikator prestasi guru-guru. c) Pihak kementerian/sekolah khususnya menyediakan bajet kewangan yang mantap bagi merealisasikan matlamat ini berjaya

Berdasarkan daripada perbincangan di atas secara umumnya, kaedah *Gallery Walk* memberikan impak yang positif dan manfaat yang berkesan kepada pendidik dan pelajar. Penggunaan kaedah ini memberikan satu hasil ataupun impak kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Kesannya sekaligus akan meningkatkan semangat motivasi dalam diri para pelajar dan mempengaruhi tahap pemikiran reflektif mereka. Para guru atau pendidik seharusnya mengetahui dan mengenalpasti cara dan teknik bagi menghasilkan input dan hasil pembelajaran yang positif. Bagi meningkatkan lagi keberhasilan kualiti para pendidik dalam PdPc ini, para pendidik memerlukan banyak perubahan dalam corak kerja supaya ianya menghasilkan idea yang kreatif, inovatif dan reflektif. Ini selari dengan Mohd Yassin (2010) yang menyatakan bahawa aspek pengajaran guru yang menjuruskan kepada aspek kelainan dalam kaedah pengajaran di sekolah khususnya dalam bilik darjah dapat membangunkan potensi diri pelajar dan pembelajaran lebih dinamik, segar dan berkesan menjadi asas pencapaian akademik dan sahsiah pelajar.

9.0 RUJUKAN

- Ainun Rahmah, Zamri & Wan Muna Ruzanna. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu- JPBM*. 7(2): 77-88. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/152>. [27 November 2020].
- Fong Peng & Nur Atikah. (2020). Sikap, Motivasi Dan Pelaksanaan Strategi Think-Paire-Share Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*. 10(1): 37-47. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/218>. [27 November 2020].
- Husni Abdullah, Abd Razif, Khairatul Akmar et al. (2018). Pendidikan Abad Ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Di Malaysia: Amalan Dan Cabaran. Kertas kerja Persidangan 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Anjuran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Palm Garden Hotel, Putrajaya, 07 Ogos 2018.

- Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi & Rafiza.(2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pedalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan KBAT?. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 8(1): 11-14. <https://juku.um.edu.my/article/view/22198>. [27 November 2020].
- Mistirine Radin & Al-Muz-zammil Yasin. (2016). Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Sains Humanika*. 10(3-2): 1-6. <https://sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/1481>. [27 November 2020].
- Mohammad Syukor, Tengku Sarina & Fakhrol Adabi. (2019). Pengintergrasian Sains Kesihatan Dalam Pendidikan Islam KSSM Tingkatan Satu: Kajian Kuasi- Eksperimen. *Journal Of Islamic Educational Research (JIER)*. 4(1): 1-13. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/14754>. [27 November 2020].
- Nik Hanis Zuraihan, Abdullah Mat Rashid & Ramlah Hamzah. (2015). Hubungan Antara Penglibatan Dalam Pembelajaran Dengan Tahap Pemikiran Reflektif Dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. *Journal Of Human Capital Development*. 8(1): 105-120. <http://www.myjournal.my/public/article-view.php?id=89579>. [27 November 2020].
- Norazlin & Siti Rahaimah.(2019). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. Kertas kerja Persidangan International Conference on Islamic Civilization and Technology Management. Anjuran Research Institute For Islamic Product and Malay Civilization [INSPIRE] Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Terengganu,23-24 November 2019.
- Nur Syaza Farha, Shamsuddin & Azhar Md Sabil. (2017). Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*. 7(2): 41-50. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/77533/>. [27 November 2020].
- Raja Abdullah & Daud Ismail. (2018). Aplikasi ‘KOnsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*. 1(1): 45-65. www.uniszajournals.com/apj. [27 November 2020].
- Rafiza Abdul Razak. (2013). Strategi Pembelajaran AKtif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. *Juku: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 1(3): 35-46. <https://juku.um.edu.my/article/view/7961>. [27 November 2020].
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 42(1): 1-11. <http://journalarticle.ukm.my/11046/>. [27 November 2020].
- Shamsiah Md Nasir & Nil Farakh Sulaiman. (2015). Pemikiran Reflektif : Meneroka Amalan Pemikiran Siswa Pendidik. *Jurnal Personalita Pelajar*. 18(2): 61-68. <http://journalarticle.ukm.my/10870/1/Shamsiah-Md-Nasir.pdf>. [27 November 2020].
- Sylviana Mantihal & Siti Mistima. (2020). Pengaruh Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Terhadap Minat Murid Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik: Satu Tinjauan Sistematis. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(1): 82-91. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/8329> . [27 November 2020].

Umami Kalthom & Ahmad Bin Esa. (2014). Kaedah Koperatif Sebagai Pilihan Kelas Abad 21: Sorotan Literatur. Kertas kerja International Seminar on Technical and Vocational Education (TVEIS 2014). Anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Batu Pahat, Johor. 14 November 2014.